

**PEMBERITAHUAN PERTANYAAN**

**DEWAN RAKYAT, MALAYSIA**

**DARIPADA : Y.B. TUAN MANIVANAN A/L GOWINDASAMY  
(KAPAR)**

**PERTANYAAN : LISAN**

**TARIKH : 09.06.2014**

**Y.B. TUAN MANIVANAN A/L GOWINDASAMY [ KAPAR ]** minta  
**MENTERI KEWANGAN** menyatakan :-

- (a) berikan perincian jumlah Bantuan Rakyat 1Malaysia (BRIM) yang diberikan kepada setiap rumah tangga untuk setiap negeri (14 negeri) dan setiap kawasan Parlimen (222 Parlimen) pada tahun 2014; dan
- (b) menjelaskan rasional peningkatan jumlah pemberian BRIM pada tahun 2014 kerana mengikut Institut Kajian Ekonomi Malaysia (MIER) bahawa langkah ini bukan sahaja tidak dapat menyelesaikan masalah kesempitan rakyat sebaliknya akan memburukkan lagi kadar inflasi dan ianya

bertentangan dengan daya pengeluaran.

## **JAWAPAN**

Tuan Yang di-Pertua,

Kerajaan telah meneruskan sekali lagi Program Bantuan Rakyat 1Malaysia (BR1M 2014) pada tahun 2014 sebagai usaha untuk membantu meringankan beban rakyat Malaysia terutama keluarga yang berpendapatan rendah serta selaras dengan peralihan kepada dasar pelaksanaan subsidi bersasar. Pada BR1M 2014, beberapa kriteria telah ditambah baik merangkumi peningkatkan nilai bantuan, pertambahan kategori dan juga pengenalan Insurans Takaful Berkelompok Rakyat 1Malaysia (i-BR1M).

Bagi memastikan pemberian BR1M diberikan kepada mereka yang benar-benar layak, proses verifikasi semula dibuat kepada semua permohonan BR1M termasuk permohonan penerima sediada. Proses verifikasi dilaksanakan secara menyeluruh dengan semakan bersama data dari pelbagai agensi, antaranya Jabatan Pendaftaran Negara, Lembaga

Hasil Dalam Negeri (LHDN), Kumpulan Wang Simpanan Pekerja (KWSP), Jabatan Perkhidmatan Awam dan Jabatan Akauntan Negara Malaysia.

Walau bagaimanapun, Kerajaan dari semasa ke semasa akan membuat penambahbaikan ke atas pelaksanaan BR1M bagi memastikan bantuan disalurkan kepada golongan yang layak sahaja. Hasil daripada verifikasi tersebut, pemohon akan dikategorikan mengikut jumlah pendapatan keluarga tersebut. Sekiranya pendapatan keluarga tersebut adalah berjumlah RM3,000 dan kebawah, penerima akan menerima bantuan BR1M sebanyak RM650 manakala sekiranya pendapatan keluarga adalah berjumlah RM3,001 hingga RM4,000, pemohon akan menerima bantuan sebanyak RM450.